

DATE: 15 / 3 / 2008

PM serah Pemuda ambil tindakan ke atas Mukhriz

Langkah utus surat minta letak jawatan bukan pendekatan Umno

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan kepada Pergerakan Pemuda Umno untuk mengambil tindakan terhadap Datuk Mukhriz Mahathir, yang mengutus surat kepadanya meminta beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri dan dalam parti.

"Saya lepaskan kepada (Ketua Pemuda Umno), Datuk Seri Hishammuddin Hussein untuk mengambil tindakan yang sewajarnya (terhadap Mukhriz), katanya kepada *Bernama* dalam satu temubual di Seri Perdana, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai surat yang ditulis Mukhriz yang juga Exco Pemuda dan dihantar kepadanya meminta Perdana Menteri meletak jawatan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keputusan pilihan raya umum 8 Mac lalu.

"Sehari sebelum dia hantar surat itu pada saya, dia keluarkan satu kenyataan mengatakan dia sokong dan dia memahami apa yang berlaku itu ialah satu tanggungjawab bersama dan beberapa kenyataan lain yang dilihat sebagai kenyataan positif terhadap saya.

"Tiba-tiba dia tukar pula... hanya sehari selepas itu hantar surat bukan

“Ini pada saya bukanlah satu cara atau pendekatan yang baik. Ini adalah satu reaksi daripadanya sebagai ahli pergerakan Pemuda Umno, yang sudah mengambil keputusan untuk sokong saya dan pucuk pimpinan parti”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

hanya pada saya tetapi juga (Timbalan Perdana Menteri), Datuk Seri Najib Razak dan seluruh negara.

"Ini pada saya bukanlah satu cara atau pendekatan yang baik. Ini adalah satu reaksi daripadanya sebagai ahli pergerakan Pemuda Umno, yang sudah mengambil keputusan untuk sokong saya dan pucuk pimpinan parti.

"Dia juga sudah mengatakan saya dan Najib diberi sokongan untuk memimpin parti dan kerajaan... ini (tindakan menulis surat) satu perbuatan yang menyalahi pendekatan dan pendirian yang dibuat oleh Umno dan Pergerakan Pemuda," kata Abdullah

Dalam suratnya itu, Mukhriz antara lain menyebut: "Atas sifat sayangkan bangsa dan negara, saya merayu kepada Datuk Seri supaya bertanggungjawab ke atas kekalahan ini. Hanya dengan peletakan jawatan Perdana Menteri dan Presiden parti Umno oleh Datuk Seri sendiri dapat pemulihan Umno, BN dan negara dilakukan dengan jayanya.

"Saya berharap Datuk Seri faham rayuan saya ini dibuat dengan niat menyelamatkan keadaan yang amat mencemaskan. Gerakan sudah bermula untuk menarik wakil rakyat BN supaya melompat ke parti lawan. Musuh BN memerlukan hanya 35 kerusi untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri.

"Oleh itu, jika Datuk Seri tidak berundur dalam tempoh yang terdekat, saya benar-benar kluatir kepercayaan rakyat, khususnya orang Melayu terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) akan lupus sama sekali".

Surat itu yang salinannya turut diberi kepada Najib yang juga Timbalan Presiden Umno; Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohd Ali Rustam serta Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, kini tersebar ke seluruh negara.

Sementara itu, Hishammuddin ketika dihubungi di sini bagi mengulas mengenai surat yang ditulis Mukhriz itu berkata, tindakan Ahli Parlimen Jeriun itu menghantar surat berkenaan adalah kenyataan peribadi, bukannya pendirian pergerakan berkenaan.



BERI PENJELASAN: Abdullah ketika ditemuramah *Bernama* TV di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

"Selama ini, segala keputusan yang boleh menyentuh pendirian Pemuda Umno dibuat secara kolektif. Pendirian Mukhriz itu juga dilakukan bukan pada waktu yang sesuai dan apa yang lebih utama ialah bagaimana penyusunan parti dapat dilakukan demi kebaikan semua," katanya.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula, berkata Umno amat dukacita dengan surat rayuan Mukhriz yang ditujukan kepada Perdana Menteri supaya meletak jawatan.

Beliau berkata, adalah tidak wajar untuk meletakkan semua kesalahan kepada Perdana Menteri se-

orang sedangkan waktu getir seperti yang dihadapi sekarang patut digunakan sepenuhnya untuk memperkukuhkan parti sekali gus berusaha mendapatkan kepercayaan rakyat.

"Bagi saya, ia hanya pendapat seorang ahli Umno dan pandangan itu tidak mewakili semua orang kerana tidak semestinya ia disokong orang lain.

"Kita sudah pun memberikan penjelasan dan jawapan akan terus berdiri teguh menyokong kepemimpinan dan pembaharuan yang akan dilakukan Perdana Menteri untuk memantapkan parti," katanya. - *Bernama*